

**K**OTA KINABALU: Kerajaan Sabah menyokong cadangan Majlis Hal Ehwal Anak Negeri (MHEAN) Sabah supaya Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sabah memperkenalkan kursus kanun adat-istiadat dan ordinan anak negeri Sabah.

Ia bagi mendedahkan penuntut universiti itu mereka dengan undang-undang dalam bidang kuasa Mahkamah Anak Negeri (MAN).

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, berkata ia membantu melahirkan hakim yang dihormati komuniti, terutama Ketua Daerah (KD), Ketua Anak Negeri (KAN) dan ketua kampung.

"Kursus itu membuka peluang kepada pemimpin masyarakat melanjutkan pengajian ke universiti, sekali gus membolehkan mereka menimba ilmu dalam bidang undang-undang anak negeri dan sivil," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Kehakiman MAN peringkat negeri di Kompleks Tabung Haji Sembulan di sini, kelmarin.

Hadir sama, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri, Datuk Hajiji Mohd Noor; Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Nasir Sakaran dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Tan Sri Richard Malanjum.

Persidangan empat hari itu dihadiri 234 KD dan KAN.

Jumaat lalu, akhbar ini melaporkan cadangan Pengarah MHEAN, Datuk



# Sabah sokong kanun

MUSA (tengah) bersalaman dengan pemimpin masyarakat di Kompleks Tabung Haji Sabah, Sembulan, Kota Kinabalu.

MOHD AZRONE SARABATIN | BERITA HARIAN

## UMS, UiTM wajar perkenal kursus ordinan anak negeri

Awang Sharin Alimin supaya UMS dan UiTM memperkenalkan kursus berkaitan kanun adat istiadat dan ordinan anak negeri Sabah yang mampu melahirkan hakim dalam kalangan pemimpin masyarakat seperti KD, KAN dan ketua kampung.

Sehubungan itu, Musa mahu pengamal undang-undang anak negeri meningkatkan pengetahuan dari semasa ke semasa bagi membolehkan

mereka mengendalikan kes secara lebih sempurna.

"Untuk memastikan MAN terpelihara dan relevan, MHEAN harus menjalinkan kerjasama dengan badan dan agensi berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk membangunkan pangkalan data mengandungi maklumat mengenai undang-undang anak negeri.

"Ia meliputi data penghakiman dan keputusan seba-

**“**Kursus itu membuka peluang kepada pemimpin masyarakat melanjutkan pengajian ke universiti”

**Musa Aman**  
Ketua Menteri Sabah

gai rujukan dalam memastikan keseragaman keputusan kes sama di seluruh negeri," katanya.

Sementara itu, Hajiji berkata, kementeriannya berusaha mengadakan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta untuk menjadikan perundangan adat-istiadat anak negeri sebagai sebahagian daripada sukatan pelajaran di institusi mereka.